

PERSADA sertai program 3 dalam 1

► *Bagi mewujudkan ukhuwah di antara mahasiswa, komuniti*

UB 3.1.2019 B2



Dari Kampus

LAHAD DATU: Seramai 30 ahli Permuafakatan Siswas-siswi Felda (PERSADA) menyertai program Gelombang Bakti Siswa PERSADA selama empat hari tiga malam di kampung Anjung Teduh, Felda Sahabat.

Program ini merupakan program 3 dalam 1 di mana berlangsungnya sesi perkongsian ilmu, program anak angkat, dan menjalankan projek "Corporate Social Responsibility" (CSR), melibatkan belia dan masyarakat kampung.

Pengarah program, Siti Fatiimah binti Isah memberitahu Objektif program ini dijalankan adalah bertujuan untuk mewujudkan

ukhuwah di antara mahasiswa dan komuniti.

Selain itu, perkongsian ilmu baharu melalui aktiviti – aktiviti bersama pelajar sekolah membuka minda dan pemikiran mereka dengan lebih luas, katanya.

Di samping itu, program ini juga dapat memupuk sifat mementingkan kerjasama dalam sebuah kelompok atau dalam diripeserta. Seterusnya, melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik malah berketrampilan dalam pelbagai aspek seperti penganjuran program.

Selain itu, sesi perkongsian ilmu yang dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kehidupan di universiti dan memberisuntikan semangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi agar dapat mencapai impian pelajar yang merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM).

Di samping itu, program anak angkat turut dijalankan



SESI Bergambar Bersama Penduduk Kampung dan Kelab Persada UMS.

adalah bertujuan agar para pelajar dapat mendekati masyarakat dengan lebih dekat.

Rombongan PERSADA

juga menjalankan projek CSR iaitu membersihkan dan menceriakan Pusat Literasi Keluarga (PLK) yang bertujuan untuk memberi

peluang kepada semua warga, khususnya para pelajar untuk menzhahirkan penghayatan kemahiran insaniah yang berbentuk kerja-kerja

kebajikan kepada pihak yang terlibat. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Ismail Alimenyokongusaha

kelab ini dalam melaksanakan program tersebut yang mana dapat memberi manfaat di samping prihatin terhadap masyarakat luar.